

Senarai Geotapak

1. Syis dan Korok Kuarza Tanjung Tuan
2. Aplit Pulau Besar
3. Granit Pulau Lalang
4. Granit Pulau Serimbun
5. Granit Pulau Hanyut
6. Air Terjun Batang Melaka
7. Syis Amfibol Bukit Larang
8. Zenolith Batu Mandi Tanjung Bidara
9. Ferricrete Beting Beras Basah
10. Tor Granit Pulau Undan
11. Syis Jelebu Bukit Beruang
12. Granit Pulau Panjang
13. Granit Pulau Nangka
14. Granit Pulau Dodol
15. Pentas Abrasi Laterit Pulau Menatang
16. Landskap Granit Batang Melaka Bukit Gapis
17. Tor Granit Bukit Batu Lebah
18. Tasik Buatan Bukit Sedanan
19. Landskap Pantai Pengkalan Balak
20. Antropogenik Bekas Lombong Tasik Chin Chin
21. Antropogenik Bekas Kuari Laterit Pulau Upeh
22. Antropogenik Bekas Kuari Laterit Pulau Peringgit
23. Antropogenik Kuari Laterit Pulau Burung
24. Antropogenik Takungan Empangan Jus
25. Antropogenik Takungan Empangan Durian Tunggal
26. Mata Air Panas Jasin
27. Mata Air Panas Gadek
28. Mata Air Panas Cerana Putih
29. Geotapak Fosil Cangkerang Kuno / Gemorfologi Sungai Rambai

Geotapak di Daerah Alor Gajah · Geotapak di Daerah Melaka Tengah · Geotapak di Daerah Jasin

ASPIRING MELAKA GEOPARK FUN MAP

Follow & Like

Facebook
Aspiring Melaka Geopark

Instagram
Melaka Geopark

Tiktok
Melaka Geopark

" MELESTARIKAN ALAM, MEMARTABATKAN WARISAN "

www.melakageopark.com

1 Syis dan Korok Kuarza Tanjung Tuan

Tanjung Tuan merupakan landskap pantai berpasir dan mempunyai struktur batuan yang seakan bentuk gua yang menjadi kawasan tumpuan pengunjung bagi aktiviti bergambar.Kawasan ini mempunyai pelbagai struktur seperti telerang kuarza, telerang aplit, telerang pegmatit serta litologi batuan granit biotit bersaiz butiran sederhana hingga kasar di sekitar pantai ini. Kawasan ini turut mempamerkan kepelbagaian nilai warisan yang tinggi seperti nilai saintifik, estetik, rekreasi dan budaya.

Kepelbagaian Batuan | Batuan, Landskap, Mineral dan Struktur | Metamorf

2 Aplit Pulau Besar

Pulau Besar merupakan sebuah geotapak yang menyimpan pelbagai kisah lagenda, sejarah dan warisan. Litologi batuan di kawasan ini adalah batuan granit yang didominasikan oleh mineral biotit. Keunikan nilai geologi di kawasan ini adalah kehadiran struktur telerang aplit yang mempunyai orientasi barat-timur yang memotong singkapan batuan granit biotit di kawasan ini. Terdapat juga tor granit yang dibentuk oleh luluhawa serta kesunkan geomorfologi batuan yang membentuk Batu Belah dan Gua Yunus yang menjadi kawasan tumpuan pelancong.

Kepelbagaian Batuan | Batuan, Landskap | Igneous Rock

3 Granit Pulau Lalang

Pulau Lalang didasari oleh batuan granit berbutir sederhana ke kasar dengan rejahan aplit serta telerang kuarza yang membentuk hampir keseluruhan bahagian pulau.

Kepelbagaian Batuan | Batuan, Landskap | Igneous Rock

4 Granit Pulau Serimbun

Pulau Serimbun didasari oleh batuan granit terutamanya dalam bentuk bongkah batuan. Singkapan batuan di kawasan ini menunjukkan sentuhan batuan granit dan aplit. Mineral felspar yang berwarna putih kemerah jambuan dan berbentuk prisma segi empat tepat dapat dilihat dengan jelas pada saiz 25mm.

Kepelbagaian Batuan | Batuan, Landskap | Igneous Rock

5 Granit Pulau Hanyut

Pulau Hanyut didasari oleh batuan granit terutamanya dalam bentuk bongkah batuan. Batuan granit yang mempunyai dua fasa iaitu granit berbutiran sederhana dan berbutiran halus ini terhasil daripada proses hidrotermal yang bertindak setelah batuan perumah mengeras. Corak struktur ini jelas dapat dilihat bersama aplit, telerang kuarza, tompokan pegmatit serta tompokan xenolit.

Kepelbagaian Batuan | Batuan, Landskap | Igneous Rock

6 Air Terjun Batang Melaka

Batu-batuan di kawasan Batang Melaka ini terdiri daripada granit biotit, dan kebanyakannya adalah dalam bentuk bongkah batuan. Bongkah-bongkah ini bersaiz 1m hingga 15m yang boleh dilihat disepanjang laluan menuju ke empangan buatan. Permukaan bongkah batuan di kawasan ini kelihatan berlapis-lapis yang mungkin dipengaruhi oleh *onion skin weathering*. Proses ini berlaku apabila adanya perubahan suhu, tekanan, pengembangan dan pengecutan batuan.

Kepelbagaian Batuan | Batuan, Landskap | Igneous Rock

7 Syis Amfibol Bukit Larang

Syis Amfibol Bukit Larang merupakan sebuah singkapan batuan yang terletak di Taman Bukit Larang Indah,Telok Mas, Melaka. Batuan di kawasan ini yang mempunyai hubungkait dengan sejarah tektonik pertembungan Zon Sutura Bentong-Raub. Litologi batuan sys amfibol (mafik) menunjukkan peringkat metamorfisme yang tinggi, iaitu perubahan batuan asal akibat tekanan dan suhu yang tinggi.

Kepelbagaian Batuan | Batuan, Landskap | Metamorf

8 Zenolith Batu Mandi Tanjung Bidara

Tanjung Bidara mempunyai litologi batuan granit biotit. Jasad batuan granit di kawasan ini adalah dalam bentuk bongkah dan jasad utuh. Antara struktur geologi yang dapat dilihat pada batuan granit ini adalah terdapat telerang pegmatit pada bongkah granit dimana mineral seperti turmalin dapat dijumpai pada telerang tersebut.

Kepelbagaian Batuan | Batuan, Landskap | Igneous Rock

9 Ferricrete Beting Beras Basah

Beting Beras Basah merupakan kawasan dengan batuan metasedimen yang terluluhawa membentuk batuan laterit yang kaya dengan oksida besi. Geodiversiti kawasan ini merangkumi pesisir pantai dan kawasan tanjung berbatu kelikir.

Kepelbagaian Batuan | Batuan, Landskap | Laterit

10 Tor Granit Pulau Undan

Pulau Undan merupakan sebuah pulau bukit penghujung Jasad Granit Banjaran Utama yang kaya dengan taburan tor granit. Batuan granit di kawasan ini merupakan batuan granit di bawah formasi Granit Banjaran Utama yang terdiri daripada pelbagai saiz dan bentuk. Pulau ini juga mempunyai tombolo yang indah yang menghubungkan pulau utama dengan pulau kecil. Kawasan ini juga mempunyai pelbagai bukti intrusi magma seperti rejahan telerang kuarza, telerang aplit dan kehadiran xenolit pada bongkah batuan granit.

Kepelbagaian Rupabumi | Batuan, Landskap | Igneous Rock

11 Syis Jelebu Bukit Beruang

Bukit Beruang merupakan kawasan yang mempunyai landskap pemandangan bandar Melaka yang indah. Kawasan ini mempunyai nilai geodiversiti batuan sedimen terlubuhawa dan keindahan flora dan fauna. Kawasan ini juga mempunyai banyak pokok tongkat ali yang hidup secara semulajadi sehingga ke bahagian puncak bukit.

Kepelbagaian Rupabumi | Batuan, Landskap | Metamorf

12 Granit Pulau Panjang

Pulau Panjang didasari oleh batuan laterit yang membentuk hampir keseluruhan pulau. Batuan laterit yang dijumpai adalah terhampar di permukaan pantai dan terdapat juga bongkah laterit sekitar kawasan pulau. Batuan laterit ini berwarna merah keperangan kerana kaya dengan oksida besi dan aluminium hasil luluhawa kimia yang intensif.

Kepelbagaian Rupabumi | Batuan, Landskap | Laterit

13 Granit Pulau Nangka

Pulau Nangka mempunyai litotologi batuan seperti granit dan laterit. Batuan laterit yang terdapat di pulau ini berwarna kelabu cerah dan telah mengalami proses luluhawa yang tinggi. Kesan proses luluhawa ini telah mengakibatkan perubahan struktur batuan seperti hakisan batuan di pesisiran pantai, batuan tongkol yang tergantung dan kekar yang dapat dilihat dengan jelas. Dari sudut geodiversiti, kawasan ini mempunyai singkapan granit yang terdedah serta zon sentuh antara dua batuan faneritik dan afanitik.

Kepelbagaian Rupabumi | Batuan, Landskap | Igneous Rock

14 Granit Pulau Dodol

Pulau Dodol didasari oleh batuan granit yang membentuk hampir keseluruhan bahagian pulau. Ciri signifikan kawasan ini dari sudut geodiversiti adalah struktur rejahan aplit pada batuan dasar yang kelihatan terlipat dan tertunjam. Struktur lain seperti telerang aplit dan telerang kuarza juga dapat dikenalpasti. Singkapan batuan di kawasan ini juga kaya dengan mineral biotit yang tersusun rawak dan tersusun secara sejajar.

Kepelbagaian Rupabumi | Batuan, Landskap | Igneous Rock

15 Pentas Abrasi Laterit Pulau Menatang

Pulau Menatang ini didominasikan oleh batuan laterit yang berkomposisi hematit dan geotit, ia membentuk hampir keseluruhan bahagian pulau teruttama di bahagian barat pulau yang berbentuk bongkah.

Kepelbagaian Rupabumi | Batuan, Landskap | Laterit

16 Landskap Granit Batang Melaka Bukit Gapis

Bukit Gapis merupakan geotapak landskap di bawah Hutan Simpan Kekal Batang Melaka, Jasin yang terbentuk daripada batuan granit berusia Trias sekitar 200-240 juta tahun dan mewakili sebahagian daripada Jalur Granit Barat Semenanjung Malaysia. Kawasan ini kaya dengan kepelbagaian ciri geologi yang unik seperti luluhawa sferiod, tor granit, gua tafoni, kekar konjugat serta pembentukan jeram bertingkat yang dikawal oleh sistem kekar (Jeram Tok Janggut). Bukit Gapis ini juga tinggi dengan nilai biologi dan budayanya seperti kehadiran pokok Jelawai berbanir besar, tongkat Ali, damar dan spesis seranggа seperti glow worm dan ulat gonggok.

Kepelbagaian Rupabumi | Batuan, Landskap | Igneous Rock

17 Tor Granit Bukit Batu Lebah

Bukit Batu Lebah merupakan geotapak tor granit yang mempamerkan morfologi batuan hasil proses luluhawa dan hakisan terhadap pluton granit. Kawasan ini mempunyai kepelbagaian ciri geologi yang dikawal oleh struktur kekar seperti tor granit, corestone, wall tor, gua granit, Penemuan unik di Bukit Batu Lebah ini dapat dilihat daripada penemuan bonjolan-bonjolan besi yang menyerupai stalaktit di bumbung gua. Fenomena ini jarang dilaporkan di dalam gua granit Malaysia dan Asia Tenggara. Batuan-batuan di kawasan ini juga mempunyai penamaan tradisional yang unik daripada komuniti setempat.

Kepelbagaian Rupabumi | Batuan, Landskap | Igneous Rock

18 Tasik buatan Bukit Sedanan

Tasik Buatan Bukit Sedanan mempunyai kepelbagaian geodiversiti seperti nilai estetik lanskap tasik buatan "Tasik Danau Rimba" yang sesuai untuk aktiviti riada keluarga atau pun "team building". Terdapat juga tapak "hiking trail" sejauh 200m melalui kepelbagaian flora dan fauna ke Menara Tinjau

Kepelbagaian Rupabumi | Batuan, Landskap | Igneous Rock

19 Landskap Pantai Pengkalan Balak

Pasir di Pantai Pengkalan Balak mempunyai saiz butiran yang kasar menunjukkan kandungan kuarza yang tinggi dan pengaruh ombak yang kuat. Pemandangan landskap tepi pantai disini juga menarik ditambah dengan kehadiran pokok-pokok dengan bentuk dan posisi yang unik memberikan kesan estetik pada para pengunjung.

Kepelbagaian Rupabumi | Batuan, Landskap | Igneous Rock

20 Antropogenik Bekas Lombong Tasik Chin Chin

Tasik Chin Chin merupakan geotapak antropogenik yang merupakan bekas kawasan perlombongan bijih timah yang kini telah berubah menjadi tapak rekreasi. Geotapak ini juga mempunyai nilai geologi yang tinggi kerana ia mempamerkan hubungan antara batuan asal kepada proses luluhawa yang akhirnya membgasilkan batuan dan tanah laterit.

Kepelbagaian Antropogenik | Batuan, Landskap | Laterit

21 Antropogenik Bekas Kuari Laterit Pulau Upeh

Laterit Pulau Upeh ini terdiri daripada batuan laterit yang boleh dibahagikan kepada tiga zon iaitu zon batuan laterit, zon kelikir laterit dan zon pasir cengkerang. Batuan laterit ini merupakan asalan batuan sys yang terluluhawa dan kaya dengan oksida besi. Selain batuan laterit, kawasan ini juga mempunyai tanah laterit yang sangat tebal dan ekstensif. Laterit Pulau Upeh ini juga mempunyai kawasan pokok paya bakau di persisiran pantai dan kawasan pulau ini juga terkenal dengan aktiviti memancing.

Kepelbagaian Antropogenik | Batuan, Landskap | Laterit

22 Antropogenik Bekas Kuari Laterit Pulau Peringgit

Laterit Pulau Peringgit terdiri daripada batuan laterit yang boleh dibahagikan kepada tiga zon iaitu zon batuan laterit, zon kelikir laterit dan zon pasir cengkerang.

Kepelbagaian Antropogenik | Batuan, Landskap | Laterit

23 Antropogenik Kuari Laterit Pulau Burung

Laterit Pulau Burung merupakan pulau yang kaya dengan batuan laterit. Batuan laterit yang terdapat di pulau ini berwarna perang kemerahan dan telah mengalami proses perluratan serta pengokidaan yang tinggi. Kesan proses luluhawa serta perluratan yang tinggi ini menyebabkan batuan laterit di sini terhakis, berlubang dan berongga.

Kepelbagaian Antropogenik | Batuan, Landskap | Laterit

24 Antropogenik Takungan Empangan Jus

Rupa bumi antropogenik berupa empangan yang membentuk takungan air, dikelilingi landskap pembukitan kecil berumput hijau. Keunikan geotapak ini ialah kewujudan akar dan batang pokok mati yang masih mencacak keluar dari permukaan air sebagai tinggalan hutan asal sebelum kawasan ditenggelami. Geotapak ini turut mempamerkan interaksi geologi, geomorfologi dan biologi serta mempunyai nilai landskap, pendidikan dan geopelancongan.

Kepelbagaian Antropogenik | Batuan, Landskap | Laterit

25 Antropogenik Takungan Empangan Durian Tunggal

Empangan kedua terbesar di Melaka. Terdapat dua batuan yang dijumpai di kawasan ini iaitu batuan sys dan batu pasir. Batuan ini beroda dalam keadaan utuh dimana batuan sys terletak pada lapisan bawah dan batu pasir ini terletak pada lapisan atas singkapan potongan jalan.

Kepelbagaian Antropogenik | Batuan, Landskap | Laterit

26 Mata Air Panas Jasin

Air Panas Jasin merupakan mata air panas yang terbentuk hasil daripada proses geoterma bumi. Secara geologi, kawasan ini didasari oleh batuan rejahan granit yang berusia Trias dengan alluvium hasil pengangkutan sungai. Granit biotit didapati di sepanjang Sungai Ulu Duyung yang bersempadan dengan kawasan geotapak Air Panas Jasin.

Kepelbagaian Proses Geologi | Batuan, Landskap | Igneous Rock

27 Mata Air Panas Gadek

Air Panas Gadek merupakan mata air panas yang terbentuk hasil daripada proses geoterma bumi. Kawasan ini didasari oleh batuan granit berbutir kasar dengan tekstur fenoritik-porfiritik. Sumber air panas ini mengalir daripada rekhan dan sistem sesar hasil rejahan magma.

Kepelbagaian Proses Geologi | Batuan, Landskap | Igneous Rock

28 Mata Air Panas Cerana Putih

Air Panas Cerana Putih terletak pada sempadan batuan metasedimen dan rejahan Granit (Trias). Ianya terletak di bahagian Jalur Barat Semenanjung Malaysia yang terdiri daripada Jaluran utama Granit (Biotit Granit), Formasi Jelebu-Syis dan juga alluvium.

Kepelbagaian Proses Geologi | Batuan, Landskap | Igneous Rock

29 Geotapak Fosil Cangkerang Kuno / Gemorfologi Sungai Rambai

Sungai Rambai merupakan kawasan dengan formasi granit dan ditutupi dengan endapan aluvium. Batuan granit di kawasan ini terbentuk hasil proses luluhawa yang membentuk bongkah tor. Endapan kuartener di kawasan ini mengandungi bahan organik dan penemuan fosil cengkerang kuno seperti *Anadara granosa, Gastropoda* dan *Ostrea sp.* yang berusia sekitar 4000-5000 tahun dahulu.

Kepelbagaian Rupabumi | Batuan, Landskap | Kuarteter



Published by
Melaka Maklumat
Lot G-1.6, Baiduman Asia Cameland, 75450 Air Keroh, Melaka.
Tel : 1-606-232 8402 Fax : 1-606-232 3867 One Number Call Centre (ONCC) 1-606-333 3333
www.visitmelaka.com.my Tourism Melaka

© Copyright reserved. Tourism Promotion Division Melaka Chief Minister Department is the publisher of this publication. While E-shopping Solutions Sdn Bhd is the copyright owner of the publication, no part of this publication may be reproduced in any form or part without the written permission of the publisher. While every effort has been made to ensure that the information contained herein is correct at the time of publication, the Publisher & the Owner shall not be held liable for any errors, omissions or inaccuracies which may occur.

Map Design by
E-Shopping Solutions Sdn.Bhd.
Tel : 1-603-7803 3082 E-mail : indahmapping@yahoo.com.my

